

11/02/2001

Had umur Puteri Umno 35 tahun

Jamhariah Jaafar; Zulkofli Jamaluddin

KUALA LUMPUR: Had umur keahlian Puteri Umno ditetapkan pada 35 tahun dan satu jawatankuasa penaja akan dibentuk bagi menggerakkan unit itu, tidak lama lagi.

Keputusan itu diumumkan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) di sini, petang semalam.

Penetapan had umur itu meleraikan kemelut penubuhan unit itu dan dianggap sebagai mengambil jalan tengah antara cadangan awal 40 tahun oleh ahli MT, Azalina Othman dan 30 tahun yang disaran oleh Pergerakan Wanita Umno.

"Kita bersetuju Puteri Umno ditubuh mulai sekarang dan had umurnya 35 tahun ke bawah. Kita akan menubuhkan satu jawatankuasa penaja di peringkat pusat dan ia akan menolong penubuhan (Puteri) di peringkat negeri," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata MT belum lagi melantik sesiapa untuk mengetuai jawatankuasa penaja dan ia juga diarah mengkaji pembentukan unit itu pada peringkat cawangan dan bahagian.

Terdahulu, cadangan menubuh Puteri Umno mendapat pelbagai reaksi terutama daripada Wanita yang `kecil hati' kerana kertas kerja Azalina memberi gambaran generasi wanita muda enggan menyertai Umno kerana ia dikuasai `makcik-makcik'.

Bagaimanapun, isu itu dileraikan pada Perhimpunan Agung Khas Umno, November lalu, apabila ia dimasukkan dalam Perlembagaan Umno dan diletakkan di bawah kuasa MT.

Wanita Umno turut merestui penubuhan itu dan memberi beberapa cadangan balas termasuk menetapkan had umur Puteri di bawah 30 tahun. Mereka turut setuju Puteri sebagai satu entiti bebas dengan peraturan serta program sendiri.

Isu itu senyap buat seketika dengan masing-masing menunggu MT membuat keputusan muktamad.

(END)